



TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. Kempen “**Pelan 0% EasyCash BSN**” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (“**BSN**”) dan akan berlangsung dari **23 Mei 2025 hingga 22 Mei 2026**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan dinyatakan sebaliknya.
*The “**BSN 0% EasyCash Plan**” (“**Campaign**”) is organized by Bank Simpanan Nasional (“**BSN**”) and will be held from **23 May 2025 until 22 May 2026**, both dates are inclusive (“**Campaign Period**”), unless notified otherwise.*
2. BSN merizabkan hak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan dalam Klausa 38 di bawah. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen tamat adalah dianggap tidak diterima dan/atau terbatal.
BSN reserves the right to vary the Campaign Period at any time, by giving a prior notice within the period BSN deems reasonable before the changes take effect subject to provisions in Clause 38 herein below. All applications received after the Campaign Period will not be accepted and/or disqualified.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

3. Kempen ini terbuka kepada semua ahli kad utama Bank yang baharu untuk kad kredit/-i yang dikeluarkan oleh BSN (“**Ahli Kad Baharu**”).
*The Campaign is open to all New-to-Bank principal cardmembers of credit card/-i issued by the BSN (“**New Cardmember(s)**”)*
4. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, 'Ahli Kad Baharu' merujuk kepada individu yang:-
For the avoidance of doubt, 'New Cardmember' refers to an individual who:-
 - (i) tidak memiliki sebarang Kad Kredit/-i BSN utama yang sedia ada dan masih aktif; atau
does not hold any existing and active principal BSN credit card/-i ; or
 - (ii) telah membatalkan Kad Kredit/-i BSN sedia ada dan kemudiannya memohon semula Kad Kredit/-i BSN yang baharu selepas tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan.
has cancelled their existing BSN Credit Card/-i and subsequently reapplied for a new BSN Credit Card/-i after a period of twelve (12) months from the date of cancellation.
5. Individu-individu berikut TIDAK LAYAK untuk menyertai Kempen ini:
The following individuals are NOT ELIGIBLE to participate in this Campaign:
 - (i) Ahli Kad Kredit/-i BSN sedia ada yang memohon untuk satu lagi Kad Kredit/-i BSN;
Existing BSN Credit Card/-i cardmember applying for another BSN Credit Card/-i;

- (ii) Ahli kad utama sedia ada yang telah membatalkan Kad Kredit/-i BSN mereka dan telah memohon semula Kad Kredit/-i BSN baharu sebagai ahli kad utama dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut;
Existing principal cardmember who have cancelled their BSN Credit Card/-i and have reapplied for a new BSN Credit Card/-i as a principal cardmember within twelve (12) months from the date of such cancellation;
- (iii) Ahli Kad yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, delinkuen dan/atau yang melanggar perjanjian mereka dengan BSN;
Cardmembers whose accounts with BSN are believed to be operated fraudulently or which have been invalid, suspended, closed, cancelled, delinquent and/or who are in breach of their agreement with BSN;
- (iv) Ahli Kad yang telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh BSN atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
Cardmembers who have been declared bankrupt (pursuant to a petition by BSN or any third parties) or is subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to or during the Campaign Period.
- (v) Ahli Kad Kredit/-i BSN tambahan;
Supplementary BSN Credit Card/-i members;
- (vi) Ahli Kad-i Korporat BSN Visa.
BSN Visa Corporate Card-i cardmembers.

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

- 6. Kempen ini membenarkan Ahli Kad Baharu untuk membuat **hanya satu (1) permohonan sahaja** bagi Pelan EasyCash dengan tempoh enam (6) bulan pada kadar 0% keuntungan/faedah dan kadar keuntungan/faedah (sekali caj) tanpa mengira bilangan Kad Kredit/-i BSN yang dipohon ("**Pelan EasyCash 6 bulan**").
*This Campaign allows New Cardmember to submit **only one-time application** for EasyCash Plan with a tenure of six (6) months at 0% profit/interest rate and profit/interest rate (one-off charge) regardless of the number of BSN Credit Card/-i applied ("**6-month EasyCash Plan**").*
- 7. Ahli Kad Baharu mesti memenuhi kriteria berikut ("**Kriteria Kelayakan**") untuk layak Pelan EasyCash 6 bulan:-
*The New Cardmember must fulfill the following criteria ("**Qualifying Criteria**") to be eligible for the 6-month EasyCash Plan:-*
 - (a) memohon mana-mana kad kredit/-i BSN utama semasa Tempoh Kempen;
apply for any BSN principal credit card/-i during the Campaign Period;

- (b) mengaktifkan Kad Kredit/-i BSN yang diluluskan dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh kelulusan Kad Kredit/-i BSN;
activate the approved BSN Credit Card/-i within four (4) months from the BSN Credit Card/-i approval date;
- (c) membuat minimum satu (1) perbelanjaan runcit dengan sebarang amaun ("**Perbelanjaan Yang Layak**") dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh kelulusan Kad Kredit/-i BSN; DAN
*perform minimum one (1) retail spend of any amount ("**Qualifying Spend**") within four (4) months from the BSN Credit Card/-i approval date; AND*
- (d) permohonan Pelan EasyCash 6 bulan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh kelulusan Kad Kredit/-i BSN.
the application for 6-month EasyCash Plan must be submitted within four (4) months from the BSN Credit Card/-i approval date.

Nota Penting: Kegagalan untuk memenuhi mana-mana Kriteria Kelayakan di atas akan menyebabkan Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) sebanyak 1.99% dikenakan ke atas amaun EasyCash yang diluluskan, seperti dinyatakan dalam Klausula 14.

Important Note: Failure to meet any of the above Qualifying Criteria will result in a Profit/Interest Rate (One-off Charge) of 1.99% being charged on the approved EasyCash amount, as stated in Clause 14.

8. Untuk mengelakkan keraguan, ilustrasi kelayakan untuk Pelan EasyCash 6 bulan disediakan di bawah:

For the avoidance of doubt, the illustrations of the eligibility for the 6-month EasyCash Plan are provided below:

Tarikh Permohonan Kad Kredit/-i <i>Credit Card/-i Application Date</i>	Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Credit Card/-i Approval Date</i>	Tarikh Permohonan Pelan EasyCash 6 bulan <i>6-month EasyCash Plan Application Date</i>	Eligibility
Sebelum tarikh permulaan Kempen <i>Before Campaign start date</i>	Semasa Tempoh Kempen <i>During Campaign Period</i>	Dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Tidak layak kerana permohonan kad kredit/-i telah dikemukakan sebelum tarikh permulaan Kempen. <i>Not eligible since the credit card/-i application was submitted prior to the Campaign start date.</i>

Tarikh Permohonan Kad Kredit/-i <i>Credit Card/-i Application Date</i>	Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Credit Card/-i Approval Date</i>	Tarikh Permohonan Pelan EasyCash 6 bulan 6-month EasyCash Plan Application Date	Eligibility
Semasa Tempoh Kempen <i>During Campaign Period</i>	Semasa Tempoh Kempen <i>During Campaign Period</i>	Dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Layak kerana permohonan Kad Kredit/-i telah dihantar semasa Tempoh Kempen dan permohonan Pelan EasyCash 6 bulan telah dihantar dalam masa 4 bulan selepas Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i. Amaun EasyCash yang dipohon adalah terhad kepada maksimum RM5,000. <i>Eligible since the credit card/-i application was submitted during the Campaign Period and the application for 6-month EasyCash Plan was made within 4 months of the Credit Card/-i Approval Date. The EasyCash amount applied for is capped at a maximum of RM5,000.</i>
Semasa Tempoh Kempen <i>During Campaign Period</i>	Semasa Tempoh Kempen <i>During Campaign Period</i>	Selepas 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>After 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Tidak layak kerana permohonan Pelan EasyCash 6 bulan telah dihantar 4 bulan selepas Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i. <i>Not eligible since the 6-month EasyCash Plan application was submitted 4 months after the Credit Card/-i Approval Date.</i>

9. Perbelanjaan Yang Layak termasuk semua perbelanjaan runcit (iaitu tempatan, luar negara, dalam talian, pemotongan debit automatik, tambah nilai e-dompet), kecuali yang berikut:-

Qualifying Spend includes all retail transactions (i.e. local, overseas, online, auto debit, e-wallet reload), except for the following:-

- (a) Pendahuluan tunai / Pulangan Tunai;
Cash advance / Cash Back;
- (b) Transaksi runcit yang dibatalkan, dikembalikan, dipertikai, ditolak, batal, dibahagi dan/atau menipu;
Retail spending which is cancelled, refunded, disputed, unauthorized, void, split and/or fraudulent;

- (c) Apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan yang dikenakan oleh BSN atau sebaliknya;
Any form of services or miscellaneous fees, including finance charges and fees such as late payment charges and government service tax imposed by BSN or otherwise;
 - (d) Urus niaga kuasi tunai – contoh: pertaruhan dan/atau transaksi permainan; dan
Quasi Cash transactions – e.g. betting and/or gaming transaction; and
 - (e) Urus niaga lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
Such other transaction as determined by BSN from time to time.
10. Perbelanjaan Yang Layak dinilai berdasarkan tarikh dan masa (Waktu Malaysia) transaksi tersebut berjaya direkod dalam sistem BSN sepanjang Tempoh Kempen.
Tracking of the Qualifying Spend is based on transaction date and time (Malaysian Time) in which the transactions are successfully recorded in BSN's system throughout the Campaign Period.
11. Perbelanjaan yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses oleh BSN dan/atau penyedia rangkaian pembayaran (Visa International/Mastercard Worldwide). Kadar tukaran adalah berdasarkan kadar yang ditentukan oleh penyedia rangkaian Pembayaran.
Any spending using foreign currency will be converted to Ringgit Malaysia (RM) on the date the transaction is received and/or processed by BSN or payment network provider (Visa International/Mastercard Worldwide). Exchange rate will be based on the rate determined by the payment network provider.
12. Pelan BSN EasyCash 6 Bulan membolehkan Ahli Kad Baharu membuat pengeluaran sehingga RM5,000.00 atau 80% daripada had kredit/had kemudahan Ahli Kad Baharu yang sedia ada (yang mana lebih rendah). Amaun EasyCash akan dimasukkan ke dalam akaun simpanan atau akaun semasa Ahli Kad Baharu dengan pemindahan ke dalam akaun bank Ahli Kad Baharu yang diselenggarakan di BSN; atau melalui GIRO (IBG) ke dalam akaun bank Ahli Kad Baharu yang diselenggarakan oleh bank berlesen lain di Malaysia atas pilihan Ahli Kad Baharu.
The 6-month EasyCash Plan allows the New Cardmember to withdraw up to RM5,000.00 or 80% of the New Cardmember's available credit limit/facility limit (whichever is lower). The EasyCash amount will be disbursed into the New Cardmember's savings or current account by internal transfer to the New Cardmember's bank account maintained with BSN; or Interbank GIRO (IBG) transfer to the New Cardmember's bank account maintained with other licensed bank in Malaysia at the New Cardmember's choice.

13. Permohonan Pelan EasyCash 6 bulan hendaklah memenuhi syarat minimum dan maksimum seperti yang ditetapkan di bawah:-

The application for 6-month EasyCash Plan must fulfill the minimum and maximum requirement as prescribed below:-

Tempoh Tenure	Kadar Keuntungan/ Faedah Profit/Interest Rate	Kadar Keuntungan/ Faedah (Sekali Caj) Profit/Interest Rate (One-off Charge)	Minimum Amaun Minimum Amount	Maksimum Amaun Maximum Amount
6 Bulan 6 Months	0%	0%	RM500	Had maksimum RM5,000 atau tidak boleh melebihi 80% daripada had kredit/had kemudahan yang sedia ada, yang mana lebih rendah. <i>Max capped at RM5,000 or shall not exceed 80% of the available credit limit/facility limit, whichever is lower.</i>

14. Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) sebanyak 1.99% pada amaun EasyCash yang diluluskan akan dicaj sekiranya berlaku mana-mana atau gabungan kejadian berikut:-

The Profit/Interest Rate (One-off Charge) of 1.99% on the approved EasyCash amount will be charged in the event of any or combination of the following occurrences:-

- (a) Ahli Kad Baharu gagal memenuhi Kriteria Kelayakan seperti dalam Klausa 7 di atas;
dan/atau
The New Cardmember fails to fulfill the Qualifying Criteria as per Clause 7 above; and/or
- (b) Ahli Kad Baharu menamatkan atau menghentikan pelan EasyCash dengan membuat pembayaran penuh dalam tempoh EasyCash; dan/atau
The New Cardmember terminates or discontinues the EasyCash plan by making full payment within the EasyCash tenure; and/or
- (c) Ahli Kad Baharu membatalkan Kad Kredit/-i BSN dalam Tempoh EasyCash.
The New Cardmember cancels his/her BSN Credit Card/-i within the EasyCash tenure.

15. Untuk mengelakkan keraguan, ilustrasi bagi Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) sebanyak 1.99% yang boleh dicaj adalah seperti berikut:

For the avoidance of doubt, the illustrations for the Profit/Interest Rate (One-off Charge) of 1.99% that may be charged are as follows:

Pengaktifan Kad Card Activation	Minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit <i>Minimum one (1) Retail Spend</i>	Pembatalan / Penamatan semasa Tempoh EasyCash <i>Cancellation / Termination during EasyCash Tenure</i>	Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) <i>Profit/Interest Rate (One-off Charge)</i>
Dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Tidak No	Tidak. No.
Dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Selepas 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>After 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Tidak No	Ya kerana Ahli Kad Baharu gagal membuat sekurang-kurangnya 1 perbelanjaan runcit dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i. <i>Yes since the New Cardmember failed to perform at least 1 retail spend within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date.</i>
Selepas 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>After 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Selepas 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>After 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Tidak No	Ya, kerana Ahli Kad Baharu gagal mengaktifkan kad dan membuat sekurang-kurangnya 1 perbelanjaan runcit dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i. <i>Yes, since the New Cardmember fails to activate the card and to perform at least 1 retail spend within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date.</i>
Dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Dalam tempoh 4 bulan dari Tarikh Kelulusan Kad Kredit/-i <i>Within 4 months from the Credit Card/-i Approval Date</i>	Ya Yes	Ya, kerana Ahli Kad Baharu telah menamatkan atau menghentikan atau membatalkan pelan tersebut semasa tempoh EasyCash. <i>Yes, since the New Cardmember had terminated or discontinued or cancelled the plan during the EasyCash tenure.</i>

16. Ahli Kad Baharu tidak layak mengumpul Mata Ganjaran BSN dan/atau Pulangan Tunai untuk EasyCash ini.
The New Cardmember will not be eligible to earn BSN Rewards Points and/or Cash Back for the EasyCash.
17. Ahli Kad Baharu boleh memohon untuk Pelan EasyCash 6 bulan melalui Cawangan-cawangan, Pasukan *Telemarketing*, Pusat Perhubungan Pelanggan, Pasukan Jualan Langsung atau saluran lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
The New Cardmember may apply for the 6-month EasyCash Plan via Branches, Telemarketing Team, Customer Contact Centre, Direct Sales Team or other designated channels made available by the Bank from time to time.
18. Sekiranya Ahli Kad Baharu memegang lebih daripada satu (1) Kad Kredit/-i BSN yang dikeluarkan oleh Bank, “had kredit/had kemudahan yang sedia ada” hendaklah merujuk kepada gabungan baki kredit/kemudahan yang sedia ada bagi semua akaun-akaun kad tersebut yang dipegang oleh Ahli Kad Baharu.
In the event New Cardmember holds more than one (1) BSN Credit Card/-i issued by the Bank, the “available credit limit/facility limit” shall refer to the combined available credit/facility balance across all such card accounts held by the New Cardmember.
19. BSN berhak mengikut budi bicaranya meluluskan atau menolak permohonan amaun EasyCash yang dinyatakan oleh Ahli Kad Baharu atau meluluskan apa-apa amaun yang lebih rendah yang dianggap sesuai oleh pihak BSN. BSN tidak tertakluk untuk memaklumkan atau memberitahu kepada Ahli Kad Baharu jika jumlah yang diluluskan adalah lebih rendah. Ahli Kad Baharu bertanggungjawab untuk memberikan nombor akaun yang betul dan tepat kepada BSN untuk tujuan pembayaran amaun EasyCash. BSN tidak akan bertanggungjawab untuk pembayaran yang dibuat kepada mana-mana akaun yang tidak tepat atau salah yang diberikan oleh Ahli Kad Baharu.
BSN may at its discretion approve or reject the application for the EasyCash amount specified by the New Cardmember or approve such lower amount as BSN deems fit. BSN will not be obliged to inform or notify the New Cardmember the lower amount prior to its approval. The New Cardmember is responsible to provide the true and correct account number to BSN for the purpose of disbursing the approved EasyCash amount. BSN will not be liable for disbursement made to any inaccurate or wrong account provided by the New Cardmember.
20. Keizinan Ahli Kad Baharu yang diperoleh melalui panggilan telefon atau borang permohonan akan dianggap sebagai bukti muktamad arahan Ahli Kad Baharu untuk memohon Pelan EasyCash 6 bulan. Ahli Kad Baharu dengan ini bersetuju untuk menerima amaun EasyCash yang diluluskan mengikut terma dan syarat Program EasyCash.
The New Cardmember’s consent obtained via phone call or application form will be deemed conclusive proof of the New Cardmember’s instruction to apply for 6-month EasyCash Plan. The New Cardmember hereby agrees to accept the approved EasyCash amount per the terms and conditions of the EasyCash Program.

21. Selepas kelulusan permohonan Pelan EasyCash 6 bulan, Bank hendaklah memperuntukkan amaun EasyCash dan mendebit Akaun Kad dengan ansuran EasyCash perlu dibayar setiap bulan, untuk tempoh ansuran ("Tempoh Ansuran EasyCash"). Had kredit/had kemudahan yang ada hendaklah dipulihkan secara berperingkat apabila pembayaran setiap ansuran bulanan EasyCash dibuat dan butiran tersebut akan ditunjukkan dalam penyata akaun bulanan Ahli Kad Baharu.
Upon approval of the application for 6-month EasyCash Plan, the Bank shall earmark the EasyCash amount and debit the Card Account with EasyCash instalment payable on a monthly basis, for the duration of the instalment period ("EasyCash Instalment Period"). The available credit limit/facility limit shall be progressively restored as payment of each EasyCash monthly instalment is made and such details will be reflected in the New Cardmember's monthly statement of account.
22. Ansuran bulanan EasyCash dikira dengan membahagikan amaun EasyCash yang diluluskan dengan bilangan bulan dalam Tempoh Ansuran EasyCash. Ansuran hendaklah dibilkan kepada Akaun Kad pada setiap bulan sehingga Tempoh Ansuran EasyCash tamat.
The EasyCash monthly instalment is calculated by dividing the approved EasyCash amount by the number of months in the EasyCash Instalment Period. The instalment shall be billed to the Card Account on monthly basis until the EasyCash Instalment Period ends.

Amaun EasyCash yang diluluskan (Prinsipal) <i>EasyCash approved amount (Principal)</i>	Had maksimum RM5,000 atau tidak boleh melebihi 80% daripada had kredit/had kemudahan yang sedia ada, yang mana lebih rendah. <i>Max capped at RM5,000 or shall not exceed 80% of the available credit limit/facility limit, whichever is lower</i>
Tempoh <i>Tenure</i>	6 bulan <i>6 months</i>
Kadar Keuntungan/Faedah <i>Profit/Interest Rate</i>	0.00%
Pengiraan Ansuran Bulanan <i>Monthly Instalment Calculation</i>	$\frac{\text{Prinsipal (P)} + [(P \times \text{Tempoh} \times \text{Kadar Keuntungan/Faedah})]}{\text{Tempoh}}$ $\frac{\text{Principal (P)} + [(P \times \text{Tenure} \times \text{Profit/Interest Rate})]}{\text{Tenure}}$
Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) <i>Profit/Interest Rate (One-off Charge)</i>	Dikecualikan, tertakluk kepada pemenuhan Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 7. <i>Waived, subject to fulfilment of the Qualifying Criteria as stated in Clause 7.</i>

23. Ansuran bulanan merupakan sebahagian daripada bayaran minimum Ahli Kad Baharu dan mesti dibayar sepenuhnya. Jika Ahli Kad Baharu tidak menjelaskan bayaran minimum semasa sepenuhnya, ansuran bulanan EasyCash akan tertakluk kepada Kadar Keuntungan/Faedah dan caj bayaran lewat/Ta'widh sehingga 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata atau minimum RM10 sehingga maksimum RM100, yang mana lebih tinggi akan dikenakan kepada Kad Kredit/-i.

The monthly instalment forms part of the New Cardmember(s)'s minimum payment and must be paid in full. If the New Cardmember does not settle the current minimum payment in full, EasyCash monthly instalment will be subject to profit/interest rate and a late payment penalty/ Ta'widh up to 1% of total outstanding balance as at statement date or minimum of RM10 up to maximum of RM100, whichever is higher shall be imposed to the Credit Card/-i.

HAK BANK / BANK'S RIGHT

24. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung, menarik balik atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuklah tetapi tidak terhad kepada sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad Baharu secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend, withdraw or cancel this Campaign at any time and for any reason whatsoever including but not limited to in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the New Cardmember directly or indirectly, caused by the changes.

25. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Ahli Kad Baharu yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk Kempen ini.

BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any New Cardmember that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

26. Ahli Kad Baharu adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.
New Cardmember shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.
27. Sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (sekiranya terpakai) adalah di bawah tanggungjawab penuh Ahli Kad Baharu.
Any cost, fee and/or expense incurred or to be incurred to participate in this Campaign including but not limited to the cost of transportation, accommodation, meals, personal costs and/or any other expenses (if applicable) is the sole responsibility of the New Cardmember.
28. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.
BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading and other similar things that prevent any individual from participating in this Campaign.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

29. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Baharu dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
By participating in this Campaign, the New Cardmember hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,;
- (a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN; atau
for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's Website; or
- (b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or

- (c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
to comply with a Court order or direction; or
 - (d) untuk mengesahkan status akaun ahli kad dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
to verify the cardmember's account status with any third party (if relevant); or
 - (e) apabila diminta secara bertulis oleh Ahli Kad Baharu; atau
where the New Cardmember requests in writing; or
 - (f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.
to protect and defend BSN or BSN's asset.
30. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.
In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy shall prevail.
31. Ahli Kad Baharu memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Ahli Kad Baharu atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.
The New Cardmember hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the New Cardmember's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.
32. Ahli Kad Baharu mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
The New Cardmember has the right at any time to:
- (a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
 - (b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
 - (c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi
Raise any questions regarding the use of Personal Data
- dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.

33. Ahli Kad Baharu bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Ahli Kad Baharu yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Ahli Kad Baharu.

The New Cardmember agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the New Cardmember's participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the New Cardmember.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

34. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad Baharu dianggap telah bersetuju:
By participating in this Campaign, the New Cardmember is deemed to have agreed:

- (a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma & Syarat Program EasyCash BSN, lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan

To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions BSN EasyCash Program, any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and

- (b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dan / atau mana- mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikannya sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

To access to BSN's Website and / or any BSN's official social media page on a regular basis to ensure that they are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

35. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Ahli Kad Baharu, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on the New Cardmember, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

36. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen.

In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.

37. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad Baharu yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the New Cardmember resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

38. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad Baharu. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad Baharu secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the New Cardmember. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the New Cardmember, directly or indirectly, caused by the changes.

39. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad Baharu dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Ahli Kad Baharu melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the New Cardmember and be deemed to be brought to the New Cardmember's attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.



TERMA DAN SYARAT – Pelan 0% EasyCash BSN
TERMS AND CONDITIONS – BSN 0% EasyCash Plan

40. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.

41. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

42. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di +603 2613 1900.

For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN Customer Contact Centre at +603 2613 1900.

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-